

11/05/1999

Mempertahankan semangat perjuangan dalam Umno

Wan Mohd Mahyiddin

APA itu semangat perjuangan? Ia adalah perasaan berkobar-kobar di dalam dada, mendorong seseorang itu memberi komitmen masa dan tenaga bagi menjayakan sesuatu matlamat seperti mematahkan pergerakan musuh atau membina sesuatu yang bermakna kepada diri, bangsa atau negaranya. Ia terbit daripada satu idealisme yang lebih tinggi daripada semata-mata kepentingan peribadi. Inilah dikatakan semangat yang wujud sewaktu Umno dan orang Melayu bangun membebaskan tanah air daripada belenggu penjajahan dan mengembalikan hak asal mereka.

Soalnya berapa lamakah semangat ini dapat dipertahan, seperti yang menjadi masalah pergerakan nasionalis di negara membangun. Pada mulanya kepentingan jawatan tidak timbul, malah harta sendiri banyak dikorbankan sewaktu berjuang. Namun, tidak pula selepas kuasa pemerintahan berada di tangan.

Sebahagian daripada tenaga yang sepatutnya ditumpukan kepada pembinaan bangsa dan negara, disalurkan kepada usaha mendapat jawatan di dalam kerajaan atau parti demi memenuhi kehendak peribadi. Idealisme perjuangan mula luput daripada ingatan sesetengah ahli dan juga pemimpin parti sehingga ia dipersendakan sebagai tidak berguna.

Akibatnya, banyak daripada pergerakan nasionalis itu terkubur. Negara turut lebur bersamanya, menghampakan rakyat yang menunggu pembelaan. Umno sebagai parti yang terulung di negara ini, tidak mengikut jejak itu.

Semangat yang tinggi sebelum merdeka diterjemahkan kepada usaha yang nyata bagi membawa perubahan kepada rakyat. Ia kekal sebagai parti orang Melayu dan teras pemerintahan kerana ia pertubuhan yang berusaha membawa keselesaan hidup kepada ramai, mementingkan perpaduan rakyat dan kestabilan politik. Kepemimpinan yang pragmatis dan jelas tujuannya ialah berbuat apa saja demi keutuhan negara dan kebajikan rakyat.

Meskipun begitu, ketahanan Umno teruji menjelang pilihan raya 1969 selepas timbul cabaran terhadap kepemimpinannya yang dirasakan tidak peka lagi selepas tuntutan ramai hingga tercetus konflik kaum dalam masyarakat.

Umno dalam perhimpunan agungnya selepas pemerintahan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) mengkaji semula kedudukannya dan melakukan beberapa perubahan pada jenteranya untuk menjadi lebih mantap. Dasar perjuangan parti ditakrif dan dihebahkan melalui siri kursus yang diadakan.

Revolusi mental diperkenalkan bagi mengubah sikap hidup orang Melayu yang masih statik dan tidak berupaya mengharungi hidup moden, manakala Perlembagaan Umno dipinda untuk lebih sesuai dengan keperluan politik semasa.

Satu semangat baru bertiup dengan ahli-ahli cukup berazam untuk membina semula parti daripada kemerosotan sebelumnya. Selepas lebih 25 tahun berada di pentas politik tanah air, yang separuh daripadanya mengendalikan pemerintahan, sendi-sendi yang kaku digerakkan semula untuk menghadapi realiti baru serta memainkan peranan lebih berkesan. Tapak politik yang kukuh memberi keyakinan baru kepada Umno untuk memimpin negara dan memenuhi hasrat rakyat.

Antara usaha terpenting ialah membina ekonomi untuk memberi penyertaan yang lebih kepada orang Melayu yang tercicir dalam mereka asyik berpolitik. Pada masa yang sama kehendak kaum lain tidak diabaikan menerusi Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diasaskan kepada pertumbuhan yang pesat. Ramai Bumiputera menjadi kaya melalui projek yang dicetuskan. Seruannya ialah majukan ekonomi, hingga menular satu pendapat baru di

kalangan mereka, termasuk juga anggota Umno, bahawa apa gunanya kuasa politik sekiranya dalam bidang ekonomi orang Melayu tetap lemah? Kuasa perlu membawa kepada kemajuan, yang akan memberi faedah kepada orang Melayu.

Kesan yang tidak dijangka ialah tumpuan pada usaha ekonomi ini menyebabkan ramai anggota Umno dan rata-rata orang Melayu lupa terhadap matlamat perjuangan parti yang lebih luas daripada sekadar kejayaan material. Mereka lebih nampak projek yang dapat menjadikan diri mereka senang, sejajar dengan dasar kerajaan untuk menambahkan harta milikan Bumiputera dalam ekonomi negara.

Tidak dapat tiada, kemewahan yang dicapai melalui projek pembangunan melimpah ke dalam bidang politik. Dari segi positifnya, ia membolehkan lebih banyak kegiatan parti diadakan. Namun, ia juga menimbulkan fenomena baru - politik wang. Pemimpin yang disanjung ialah yang paling banyak wang dan sedia menaburkannya kepada penyokong atau wakil yang ada kuasa memilih dalam sidang parti.

Daripada mengutuk amalan politik wang sebagai membahayakan parti, ahli atau wakil menaruh harapan semoga kuasa mengundi mereka tidak sia-sia, sebaliknya menerima pembalasan material.

Satu nilai baru mula tertanam yang mana, ada ahli-ahli parti mendukung politik wang sebagai cara perjuangan yang halal, dengan menolak dasar perjuangan parti. Tidak diendahkan lagi pemilihan yang berasaskan khidmat sejati seseorang pemimpin atau kesanggupannya untuk memelihara kepentingan bangsa. Perjuangan bererti milikan jawatan atau kekayaan saja.

Dalam keadaan itu, mereka yang berjuang secara tulus tetapi tiada sumber kewangan yang cukup untuk diagih-agihkan kepada penyokong dipandang sebagai melukut di tepi gantang. Apa pun hamburan mereka mengenai kesucian perjuangan tidak dipedulikan. Mereka adalah idealis yang sudah ketinggalan dalam dunia yang mementingkan pembekalan material. Dalam perlumbaan untuk mendapat jawatan, mereka tewas dan dipinggirkan.

Seiring dengannya, berlakulah kepemimpinan secara 'kawalan dari jauh' yang mana seseorang yang mempunyai wang itu tidak perlu pergi ke akar-umbi untuk menemui anggota parti dan menghebahkan dasar perjuangan.

Ia sekadar menghantar sejumlah wang kepada seorang ejen, misalnya ketua cawangan yang dipercayai dapat membantu melebarkan pengaruhnya. Ini melemahkan semangat anggota lain yang turut mengeluarkan tenaga tetapi sumbangan mereka tidak diiktiraf. Perhubungan dengan rakyat juga menjadi renggang kerana mereka dipandang semata-mata bagi memenangkan seseorang dalam pilihan raya apabila tiba masanya.

Ketika kita mengalami pembangunan pesat, timbul keanehan yang mana kerja untuk parti terus rancak tetapi anggotanya tidak menunjukkan komitmen yang sekuat dulu. Selepas lebih 20 tahun DEB dan kemudiannya dasar penswastaan yang memberi kemewahan, parti tercabar lagi untuk melakukan pembaharuan dan memastikan semangat perjuangan anggotanya terus menyala. Kemalapan semangat ini akan menghalang pelaksanaan agenda parti pada masa depan.

Kita memerlukan kumpulan idealis yang sedia memperjuangkan cita-cita parti lebih daripada kepentingan peribadi. Cabaran membina bangsa belum tamat kerana walaupun sudah ada sebilangan yang berjaya, orang Melayu masih ketinggalan. Tapak politik belum kukuh kerana wujud elemen mempertikaikan kedudukan Umno sebagai teras pemerintahan dan kecenderungan orang Melayu untuk berpecah dalam kelompok tertentu bagi mencapai kuasa. Dengan kehadiran idealis yang komited, semangat yang luntur dapat dipulihkan dan anggota digerakkan untuk memberi khidmat setinggi-tingginya bagi kejayaan parti, bangsa dan negara.

Pembaharuan boleh dimulakan dengan penganjuran kursus pemahaman mengenai dasar parti bagi mendedahkan ahli-ahli dan pemimpin (yang lama atau baru) kepada sejarah perjuangan Umno dan matlamatnya yang merangkumi politik,

ekonomi, pendidikan, agama, kebudayaan dan identiti bangsa. Keperluan ini tidak harus dipermudahkan, kerana betapa idealistik seseorang itu ia boleh tergelincir daripada landasan perjuangannya jika tidak diperingatkan selalu mengenainya.

Generasi yang terdidik dalam nilai baru khasnya, perlu mendapat pengetahuan yang cukup mengenai maksud sebenar penubuhan Umno. Mereka tidak seharusnya dilengkapi dengan fahaman dangkal bahawa masuk Umno itu bererti memegang jawatan dalam sekelip mata dan Perlembagaan parti dikoyak-robekkan demi memberi keuntungan kepada pihak yang bertanding dengan membelakangkan semangatnya untuk menjamin keutuhan parti.

Mereka seperti ini perlu ingat jika tapak politik dan kuasa hilang kerana perbuatan mereka sendiri, jawatan atau kekayaan yang diperolehi selepas pembabitan dalam Umno tidak bermakna lagi. Ia akan dirampas oleh pemegang kuasa baru yang tidak simpati terhadap mereka.

Justeru, satu komitmen yang lebih mendalam adalah perlu daripada setiap lapisan ahli parti. Komitmen ini yang terbit daripada pemahaman mengenai dasarnya serta kesedaran yang luas akan menguatkan lagi tunjang parti dan keupayaan menjalankan agenda perjuangannya. Parti tidak mudah digoncang apabila dilanda masalah; berbanding dengan keadaan yang mana anggotanya sibuk melayan kepentingan diri atau menagih kuasa sehingga tidak terdaya menghadapi cabaran.

Ada kalanya anggota atau pemimpin yang sudah lama berada di dalam parti turut lupa mengenai dasar. Bukan kerana tidak faham, tetapi kerana gagal mengawal nafsu dalam usaha mendapatkan kuasa atau mencari faedah diri. Perbuatan itu menyebabkan mereka terpelanting dan sia-sialah perjuangan mereka yang berpuluh tahun. Hak bangsa boleh digadaikan demi sesuatu habuan (sama ada jawatan atau kekayaan), tanpa berfikir panjang.

Umno amat memerlukan anggota bersemangat yang kuat untuk memperjuangkan cita-cita parti. Jika ramai pemimpin dan anggotanya sudah hilang idealisme, perjuangan akan menjadi lemah. Majoriti anggotanya tidak akan bergerak bagi menjayakan kepentingan parti, negara dan orang ramai kerana setiap mereka mengamalkan dasar untuk diri sendiri.

Ia tidak mepedulikan kesan buruk yang akan menimpa semua akibat perbuatannya. Tanpa pegangan kepada prinsip perjuangan, ia cepat lari daripada masalah, rapuh pendirian, mudah dibeli dengan wang dan pada akhirnya mengkhianati pertubuhan yang dianggotainya.

Semangat perjuangan hendaklah disemai kembali supaya parti berupaya menghadapi angkara musuhnya. Dalam menanamkan semangat ini, tidak harus ada toleransi terhadap pengamal politik wang, rasuah dan perlakuan lain yang menjejaskan imej parti.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan parti akan diserahkan kepada pemimpin yang bersih, bermakna mereka yang tiada kualiti ini tidak layak memegang jawatan atau memainkan peranan utama dalam urusan parti dan negara. Apa yang perlu diselamatkan ialah pertubuhan, bukan kedudukan individu yang mempunyai kepentingan.

Dengan banyak cabaran dihadapi Umno setiap masa, ia perlu membina satu benteng yang kuat dengan mengubah mentaliti yang semata-mata materialistik untuk balik kepada semangat perjuangan yang tulen.

Dengan menghayati sejarah dan falsafah parti, tidak mungkin kita terkeluar daripada landasan atau mencemarkan nama baik parti dengan perbuatan kita. Yang harus ada dalam ingatan ialah masa depan bangsa dan negara - apa akan terjadi padanya akibat perbuatan gelojoh yang mengetepikan prinsip perjuangan kerana terlalu inginkan harta atau kedudukan.

Satu pendirian yang tepat adalah anggota parti dapat membezakan kepentingan peribadi dengan kepentingan pertubuhan seluruhnya. Jika pertubuhan hancur akibat tindakan mereka yang negatif, kepentingan mereka

juga turut terkorban. Sehubungan itu, adalah lebih selamat jika mereka mematuhi dasar perjuangan parti serta mengurangkan kecenderungan untuk menyalahgunakan kedudukan.

Namun, semangat atau idealisme yang bersifat retorik tidak mencukupi jika tidak diiringi usaha gigih bagi melaksanakan tuntutan perjuangan. Kekuatan sesebuah parti, bangsa dan negara banyak bergantung kepada kesediaan anggotanya untuk berkhidmat tanpa mengira tempat atau waktu. Slogan Umno selain 'Bersatu dan Bersetia' ialah 'Berkhidmat'.

Tradisi berkhidmat ini menyuburkan Umno selama berpuluh tahun dan memberi kemenangan kepadanya dalam pilihan raya. Rakyat dapat mengesan biar apa pun diperkatakan mengenai Umno, kerajaan pimpinannya dapat memenuhi tuntutan hidup mereka.

Pergerakan politik yang tidak mementingkan khidmat mesti dibendung. Khidmat yang dijalankan secara jujur mengikut garis yang ditentukan saja dapat menjamin kekuatan parti. Pemimpin dan anggota parti perlu berdamping dengan rakyat daripada semua lapisan dan memandu mereka sehingga menjadi masyarakat yang berdikari dan serba maju. Perhubungan dengan rakyat dari pejabat pemimpin yang sibuk dengan pelbagai tugas sendirian harus dielak dan digantikan dengan tradisi khidmat yang bermakna. Umno adalah parti orang ramai, maka pemimpinnya juga harus menjiwai mereka itu.

Sesuatu perjuangan itu tidak harus dinilai dari segi jawatan yang datang menggolek atau wang berjuta ringgit menjadi milikan seseorang. Faedah yang tertinggi ialah kesedaran bahawa khidmatnya yang paling kecil pun dapat membantu ke arah kekuatan parti, bangsa dan negara. Ini lebih baik daripada mendapat kekayaan atau jawatan besar jika dalam usaha itu mengetepikan tuntutan perjuangan. Pemimpin yang mengukir nama dalam sejarah negara adalah mereka yang semangat perjuangannya tetap kental walau apa cabaran dan godaan dihadapi.

(END)